

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD.2/(26)

Tarikh : 10 Januari 2001

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah
88582 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah
Tingkat 5 & 6, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Pertanian Sabah
Tingkat 5, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Perhutanan Sabah
Beg Berkunci No. 68
90009 Sandakan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 3 TAHUN 2001**

**PEMBELIAN TERUS DAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN
SERTA PENYELENGGARAAN**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan pemerhatian pejabat ini, terdapat kecenderungan di kalangan Jabatan/Agensi Kerajaan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk menjurus ke arah melantik satu syarikat atau kumpulan syarikat tertentu untuk membekal barangan/perkhidmatan dan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan di Jabatan/Agensi Kerajaan masing-masing. Syarikat-syarikat tersebut walaupun berbeza dari segi nama syarikat tetapi apabila diteliti didapati adalah dikuasai atau dipegang oleh individu atau kumpulan yang sama serta memiliki alamat yang sama.

3. Tindakan seumpama ini adalah tidak sihat dan boleh menjejaskan imej Jabatan/Agensi Kerajaan pada pandangan awam selain bercanggah dengan peraturan dan norma yang baik.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah diharapkan agar memberi perhatian terhadap perkara ini dan mengambil langkah-langkah sewajarnya ke arah memastikan kecenderungan melantik syarikat atau syarikat yang diketahui dikuasai oleh individu/kumpulan tertentu sahaja tidak berulang sebaliknya memberi peluang yang lebih luas kepada lebih banyak syarikat yang berkecualan terutama syarikat-syarikat Bumiputera.

5. Segala perhatian dan kerjasama dari pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini sangatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

T.T

(**DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI**)

Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah.